

# PM minta penggiat muzik bersabar

BH 19 JUL 2002

PUTRAJAYA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta penggiat muzik termasuk artis, komposer dan syarikat rakaman bersabar dan tidak terburu-buru bertindak sementara kerajaan berusaha mengatasi masalah lanun cetak rompak di negara ini.

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika mengadakan perbincangan dengan Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM) dan Gerakan Memelihara Khazanah Muzik Malaysia (Gema) di pejabatnya dekat sini, petang ini, bagi

membincangkan masalah lanun cetak rompak di Malaysia.

RIM mewakili sebahagian besar syarikat rakaman tempatan dan antara-bangsa di negara ini, manakala Gema adalah jawatan-kuasa yang ditubuhkan 6 November tahun lalu oleh artis rakaman, penerbit album, komposer, penulis lirik dan pengurus artis rakaman bagi menangani masalah itu.

Antara artis rakaman yang hadir dalam pertemuan kira-kira sejam di pejabat Perdana Menteri itu ialah, Tan Sri S M Saliin

yang juga Pengerusi Gema, M Nasir dan Siti Nurhaliza.

S M Salim mewakili artis veteran, M Nasir (artis pertengahan), manakala Siti Nurhaliza pula mewakili artis generasi baru.

Turut hadir dalam pertemuan itu ialah, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samudin Osman serta wakil dari syarikat rakaman.

Siti Nurhaliza ketika ditemui berkata, dalam pertemuan itu mereka mengambil kesempatan untuk menceritakan perasaan artis berhubung masalah itu serta menyerahkan memo-

randum kepada Dr Mahathir.

"Perdana Menteri memberikan maklum balas positif dan meminta semua pihak supaya bersabar dan tidak terburu-buru dalam menangani masalah itu.

"Siti berharap masalah ini (lanun cetak rompak) dapat diselesaikan bagi membolehkan masa depan artis lebih terjamin serta industri muzik semakin kukuh," katanya.

Sepanjang tempoh 1 April 1999 hingga Januari 2001, pasukan petugas khas hak cipta Kementerian Perdagangan Dalam

Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sudah menjalankan 16,904 pemeriksaan di premis dan pasar malam dalam usaha membanteras cetak rompak.

Operasi itu mengenal pasti 6,724 kes yang didapati menjual barangan cetak rompak, dengan nilai barangan yang disita bernilai RM66.9 juta.

Manakala dari Januari hingga 31 Mac 2001 pula, sejumlah RM5.7 juta barangan cetak rompak disita oleh pasukan itu, hasil tindakan ke atas 2,231 kes melalui 8,189 pemeriksaan.